

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 OGOS 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kerajaan tubuh panel pakar saintifik	Utusan Malaysia
2	Science Meeting	New Straits Times
3	Panel Pakar Saintifik Mantapkan Pengurusan Bencana Negara	Bernama.com
4	Scientific expert panel to be set up to strengthen disaster management	New Straits Times Online

Mantapkan tahap pengurusan bencana

Kerajaan tubuh panel pakar saintifik

■ PUTRAJAYA 4 OGOS

PANEL Pakar Saintifik (SEP) akan ditubuhkan selaku penasihat saintifik membantu Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (Nadma) dalam mantapkan tahap pengurusan bencana di Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) di sini hari ini berkata, skop SEP adalah menyeluruh dalam penyelesaian pelbagai jenis bencana sama ada yang sering berlaku atau dijangka melanda Malaysia.

"Ada pakar dalam bidang masing-masing bagi setiap jenis bencana untuk memberi khidmat nasihat dan kepakaran, sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana berlaku," kata Kementerian itu.

Mesyuarat NSC yang merupakan jawatankuasa tertinggi tadbir urus Sains Teknologi dan Inovasi (STI) negara, hari ini dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

MOSTI dan Pejabat Penasihat Sains bertindak sebagai urus setia bersama NSC.

Kenyataan MOSTI itu menyebut bahawa mesyuarat NSC itu juga bersetuju supaya Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mengam-

bil langkah transformasi menjadi sebuah institut penyelidikan perubatan setanding dengan institut-institut terkemuka dunia.

IMR ditubuhkan sebagai Institut Patologi pada tahun 1900 bertujuan untuk menjalankan penyelidikan terhadap pelbagai jenis penyakit.

Menurut kenyataan itu, Najib menyatakan hasrat mahu melihat IMR bukan sahaja mengembalikan zaman kecemerlangannya sebagai sebuah institut penyelidikan perubatan ulung di rantau tropika tetapi muncul sebagai institut perubatan terkemuka di dunia.

Kenyataan itu menyebut Najib mahu IMR setaraf dengan NIH - National Institute of Health (USA); MRC - Medical Research Council (United Kingdom); Pasteur Institute (Perancis); FIOCRUZ - Oswaldo Cruz Foundation (Brazil); dan QIMR - Queensland Institute of Medical Research (Australia); Karolinska Institute (Sweden).

Menurut kenyataan MOSTI, NSC hari ini turut dimaklumkan tentang status penyediaan Pelan Tindakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional.

Mesyuarat NSC pada Mac lepas memutuskan supaya MOSTI bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pen-

didikan Tinggi menggubal suatu pelan tindakan STEM yang bersepadu.


Ini adalah untuk menjamin Malaysia, sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020, mempunyai bekalan modal insan berpendidikan STEM yang mencukupi bagi memenuhi permintaan tenaga kerja, di samping mewujudkan masyarakat yang memahami STEM.

Menurut kenyataan MOSTI itu, ketiga-tiga kementerian telah mengadakan dialog dengan pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas awal.

Katanya program dan aktiviti di bawah pelan itu akan diperincikan berteraskan kepada lapan bidang fokus utama.

Ia melibatkan penyeragaman dasar; pembangunan kapasiti guru dan pensyarah; naik taraf fasiliti; peluang kerjaya graduan STEM; pembudayaan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I); pembangunan satu pangkalan data STEM; penambahbaikan program kesedaran STEM dan kerjasama strategik di peringkat global.

MOSTI berkata draf awal Pelan Tindakan STEM Nasional dijangka siap pada Januari tahun depan (2017) untuk pembentangan kepada NSC. - BERNAMA



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara di Putrajaya, semalam. Turut hadir timbalannya Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) MUKA SURAT 4
TARIKH: 05 OGOS 2016 (JUMAAT)



SCIENCE MEETING

*Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak** speaking with his deputy, **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**, before chairing the National Science Council meeting at the Putra Perdana building in Putrajaya yesterday. Bernama pic*



Panel Pakar Saintifik Mantapkan Pengurusan Bencana Negara


PUTRAJAYA, 4 Ogos (Bernama) -- Panel Pakar Saintifik (SEP) akan ditubuhkan selaku penasihat saintifik membantu Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (Nadma) dalam memantapkan tahap pengurusan bencana di Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) di sini hari ini berkata skop SEP adalah menyeluruh dalam penyelesaian pelbagai jenis bencana sama ada yang sering berlaku atau dijangka melanda Malaysia.

"Ahli-ahli SEP ini terdiri daripada pakar dalam bidang masing-masing bagi setiap jenis bencana untuk memberi khidmat nasihat dan kepakaran, sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana berlaku," kata kementerian itu

NEW STRAITS TIMES ONLINE

***Scientific Expert Panel to be set up to
strengthen disaster management***



*(FILE) A Scientific Expert Panel (SEP) will be set up to advise and assist the National Disaster Management Agency (Nadma) to strengthen disaster management in Malaysia.
Pix by Ramdzan Masiam*

PUTRAJAYA: A Scientific Expert Panel (SEP) will be set up to advise and assist the National Disaster Management Agency (Nadma) to strengthen disaster management in Malaysia.

Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) in a statement issued in conjunction with the **National Science Council (NSC)** meeting here said the SEP's scope was comprehensive to solve various types of disasters that often occurred or expected to hit Malaysia.

SEP members who comprise experts in their respective fields, will provide advice and expertise, before, during and after a disaster," the ministry said.

The NSC meeting, which is the highest governance committee of the country's Science, Technology and Innovation (STI), was chaired by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak.

MOSTI and the Science Advisor Office are the NSC's joint secretariat.

MOSTI said the meeting had also agreed that the Institute for Medical Research (IMR) would undergo a transformation initiative to become an institute which was comparable with world-renowned institutes.

IMR was established as a Pathological Institute in 1900 to conduct research on various diseases.

The ministry said Najib had expressed hope to not only see the IMR restoring its glory days as an outstanding medical research institute in the tropical region, but also emerging as a leading medical institute in the world.

It said that Najib wanted the IMR to be on par with NIH - National Institute of Health (USA); MRC - Medical Research Council (United Kingdom); Pasteur Institute (France); FIOCRUZ - Oswaldo Cruz Foundation (Brazil); QIMR - Queensland Institute of Medical Research (Australia) and Karolinska Institute (Sweden).

The meeting had also informed the status of the National Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Action Plan.

The NSC meeting on March had decided that MOSTI, Education Ministry and Higher Education Ministry draft STEM's integrated action plan to ensure Malaysia, as a developed country by 2020, would have a sufficient supply of educated human capital to meet labour demands, as well as creating a STEM literate society.

The ministry said, the three ministries had been holding dialogues with stakeholders to get early feedback.

It said the programmes and activities under the plan would be detailed based on eight main areas of focus.

It involves policy standardisation; teachers and lecturers capacity building; upgrading of facilities; career opportunities for STEM graduates; research, development, commercialisation and innovation enculturation activities; developing STEM single database; improving STEM awareness programme and strategic cooperation at the global level.

MOSTI said the initial draft was expected to be completed by Jan 2017. --BERNAMA